

NO. SOALAN: 64

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL
SINGH
[BUKIT GELUGOR]**

TARIKH : 19 MEI 2016

RUJUKAN : 9005

SOALAN :

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk meminda undang-undang yang sedia ada untuk membenarkan kanak-kanak tanpa kerakyatan ('stateless children') didaftarkan secara automatik sebagai warganegara sah sekiranya kanak-kanak tersebut membuat permohonan yang tulen. Dalam erti kata lain, adakah kerajaan bersedia untuk mengecualikan budi bicaranya untuk menolak permohonan-permohonan tulen tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ingin memaklumkan bahawa tidak wajar jualah jika seseorang mendakwa dirinya sebagai *stateless*. Ini kerana penentuan kewarganegaraan seseorang antaranya adalah berdasarkan kepada status kewarganegaraan ibu atau bapanya. Dalam hal ini, mana-mana kelahiran yang berlaku di Malaysia yang telah didaftarkan sebagai Bukan Warganegara bukanlah merujuk kepada *stateless* kerana terdapatnya maklumat semasa kelahiran tersebut yang menunjukkan ibu atau bapanya adalah warga asing. Selain itu, bagi anak-anak warga asing yang dilahirkan di negara ini, adalah menjadi tanggungjawab ibu bapanya untuk merujuk kepada negara asal masing-masing bagi mendapatkan dokumen perjalanan dan dokumen pengenalan diri mereka.

Oleh itu, tidak terdapat jualah keperluan untuk meminda undang-undang sedia ada berhubung pemerolehan kewarganegaraan seperti mana yang sedia termaktub di Bahagian III Perlembagaan Persekutuan kerana telah ada peruntukan dan syarat yang perlu dipatuhi sebelum seseorang dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia, termasuklah bagi kes-kes permohonan yang tulen.